

VOLTAREN 12 HOURS EMULGEL 2% GEL

Diclofenac diethylamine (23.2mg/g)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Voltaren 12 Hours Emulgel 2% Gel
2. Bagaimana Voltaren 12 Hours Emulgel 2% Gel berfungsi
3. Sebelum menggunakan Voltaren 12 Hours Emulgel 2% Gel
4. Cara menggunakan Voltaren 12 Hours Emulgel 2% Gel
5. Semasa menggunakan Voltaren 12 Hours Emulgel 2% Gel
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara Penyimpanan dan Pelupusan Voltaren 12 Hours Emulgel 2% Gel
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh Kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Voltaren 12 Hours Emulgel 2% Gel

Voltaren 12 Hours Emulgel 2% Gel digunakan untuk melegakan kesakitan dan mengurangkan keradangan dan bengkak dalam beberapa keadaan yang menyakitkan sendi dan otot. Ia boleh digunakan untuk merawat:

- kecederaan otot dan sendi (seperti terseliuh, tergeliat, lebam, sakit belakang, kecederaan sukan);
- tendonitis (seperti siku tenis), bengkak keliling siku atau lutut;
- artritis lutut atau jari yang tidak teruk.

Voltaren 12 Hours Emulgel 2% Gel adalah untuk kegunaan orang dewasa dan remaja berumur 12 tahun dan ke atas.

Bagaimana Voltaren 12 Hours Emulgel 2% Gel berfungsi

Voltaren 12 Hours Emulgel 2% Gel mengandungi bahan aktif *diclofenac*, sejenis ubat antiradang bukan steroid (NSAID). Ia dirumus khas untuk disapu pada kulit.

Sebelum menggunakan Voltaren 12 Hours Emulgel 2% Gel

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan Voltaren 12 Hours Emulgel 2% Gel jika

- anda alah (hipersensitif) kepada *diclofenac* atau ubat antiradang bukan steroid lain yang digunakan untuk merawat kesakitan, demam atau keradangan, seperti ibuprofen

atau aspirin (bahan yang juga digunakan untuk mencegah pembekuan darah), atau sebarang bahan lain dalam ubat ini. Jika anda tidak pasti, tanya doktor atau ahli farmasi anda. Gejala tindak balas alahan kepada ubat ini mungkin termasuk: berdehit atau sesak nafas (asma); ruam kulit dengan lepuh atau geligata; bengkak muka atau lidah; hidung berair.

- anda mengandung dalam 3 bulan terakhir kandungan.

Maklumat penting tentang sesetengah daripada bahan dalam Voltaren 12 Hours Emulgel 2% Gel

Formulasi gel mengandungi propilena glikol yang boleh menyebabkan kerengsaan kulit setempat di kalangan sesetengah orang, dan *butylhydroxytoluene*, yang boleh menyebabkan tindak balas kulit setempat (seperti dermatitis) atau kerengsaan kepada mata dan membran mukus.

Kanak-kanak

Jangan gunakan Voltaren 12 Hours Emulgel 2% Gel untuk kanak-kanak bawah umur 12 tahun.

Mengandung dan menyusukan anak

Hanya gunakan Voltaren 12 Hours Emulgel 2% Gel atas nasihat doktor sekiranya anda mengandung atau menyusukan anak, fikirkan anda mengandung atau merancang untuk mempunyai bayi. Jangan gunakan Voltaren 12 Hours Emulgel 2% Gel sekiranya anda dalam 3 bulan terakhir kandungan, kerana ia boleh memudaratkan bayi dalam kandungan anda atau menyebabkan masalah semasa kelahiran.

- Sebelum menggunakan Voltaren 12 Hours Emulgel 2% Gel

Jika anda mempunyai apa-apa soalan, bincangkan dengan doctor atau ahli farmasi anda sebelum menggunakan Voltaren 12 Hours Emulgel 2% Gel.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang menggunakan atau baru-baru ini telah menggunakan atau mungkin akan menggunakan mana-mana ubat biasa atas preskripsi ataupun produk 'over the counter'.

Cara menggunakan Voltaren 12 Hours Emulgel 2% Gel

1. Untuk menanggalkan kedap sebelum pertama kali menggunakan, buka penutup skru. Gunakan belakang penutup untuk mencucuk, memutar dan menanggalkan kedap daripada tiub.
2. Picit sedikit gel daripada tiub dan gosokkan perlahan-lahan ke dalam kulit pada bahagian yang sakit atau bengkak. Anda mungkin merasai sedikit kesan penyejukan apabila anda menggosok gel ke dalam kulit.
3. Basuh tangan anda selepas menggosok gel ini, melainkan anggota yang dirawat adalah tangan anda.

- Berapa banyak harus digunakan

Jumlah yang diperlukan akan berbeza bergantung kepada saiz kawasan yang sakit atau bengkak; jumlah yang berukuran dari saiz ceri hingga walnut biasanya akan mencukupi.

- Bila perlu digunakan

Gosok Voltaren 12 Hours Emulgel 2% Gel 2 kali sehari (pagi dan malam) pada bahagian yang sakit.

- Berapa lama perlu digunakan

Jangan gunakan Voltaren 12 Hours Emulgel 2% Gel untuk tempoh lebih daripada 2 minggu. Gunakan tidak lebih dari yang diperlukan untuk tempoh masa yang singkat. Jika kesakitan dan bengkak tidak bertambah baik dalam masa 7 hari, atau jika menjadi lebih buruk, beritahu doktor anda. Rawatan lebih lama mungkin disyorkan oleh doktor.

- Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa menggunakan Voltaren 12 Hours Emulgel 2% Gel pada masa yang sepatutnya, sapukan bila anda teringat dan teruskan seperti biasa. Jangan sapu dua kali ganda jumlah gel untuk menggantikan yang terlupa.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda menggunakan lebih gel daripada yang sepatutnya, kesat gel berlebihan dengan tisu. Jika anda atau kanak-kanak tertelan gel, dapatkan nasihat perubatan dengan segera.

VOLTAREN 12 HOURS EMULGEL 2% GEL

Diclofenac diethylamine (23.2mg/g)

Semasa menggunakan Voltaren 12 Hourrs Emulgel 2% Gel**- Perkara yang perlu dilakukan**

Jika anda mempunyai apa-apa pertanyaan lanjut tentang penggunaan produk ini, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan guna pada kulit dengan keadaan seperti luka, luka terbuka, atau kulit yang mempunyai ruam atau ekzema. Hentikan rawatan jika ruam kulit berkembang selepas menggunakan produk ini.
- Jangan gunakan lebih banyak produk daripada yang diarahkan atau untuk tempoh yang lebih lama daripada yang diarahkan, kecuali jika diberitahu oleh doktor anda.
- Voltaren 12 Hour Emulgel 2% Gel adalah untuk kegunaan topikal sahaja. Jangan gunakannya di dalam mulut. Jangan menelannya. Gunakan Voltaren 12 Hours Emulgel 2% Gel dengan berhati-hati supaya tidak terkena mata anda. Jika ini berlaku, bilaskan mata anda dengan air bersih. Jumpa doktor atau ahli farmasi jika ketidakselesaan berterusan.
- Pendakap atau pembalut yang biasa digunakan untuk kecederaan seperti terseliuh boleh digunakan tetapi jangan gunakan di bawah pembalut kedap udara (plastik).

- Perkara yang perlu diberi perhatian

- Voltaren 12 Hours Emulgel 2% Gel adalah kurang bermungkinan menjejaskan pemanduan, penggunaan mesin atau aktiviti lain yang memerlukan perhatian yang teliti.
- Berhati-hati semasa merokok atau mendekati terhadap api kerana risiko kebakaran serius. Voltaren 12 Hours Emulgel 2% Gel mengandungi *paraffin* yang mudah terbakar apabila kandungan mengumpul atas kain (pakaian, alas katil, alas kain yang lain) dan mungkin tidak dapat dibersihkan

keseluruhannya
pencucian.

dengan

bersamaan dengan 20mg (2% w/w)
diclofenac sodium.**Kesan-kesan sampingan**

Apabila menggunakan produk ini, anda mungkin mengalami:

- Ruam kulit dengan atau tanpa lepuh; gatal-gatal; sesak nafas atau rasa sesak di dada (asma); bengkak muka, bibir, lidah atau tekak; gatal-gatal atau kemerahan kulit.
- Kulit mungkin lebih sensitif kepada cahaya matahari (matahari atau gerai penyamakan). Tanda-tanda yang mungkin adalah selaran matahari dengan gatal-gatal, bengkak dan lepuh.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara Penyimpanan dan Pelupusan Voltaren 12 Hourrs Emulgel 2% Gel**- Penyimpanan**

- Simpan di tempat yang tidak boleh dicapai dan dilihat oleh kanak-kanak.
- Jangan gunakan Voltaren 12 Hours Emulgel 2% Gel selepas tarikh luput yang dinyatakan pada kotak dan tiub.
- Jangan simpan dalam suhu melebihi 30°C.

- Pelupusan

Apa-apa produk yang tidak digunakan atau bahan sisa hendaklah dilupuskan mengikut peraturan tempatan.

Maklumat Lanjut**- Rupa dan warna produk**

Voltaren 12 Hours Emulgel 2% Gel adalah gel seperti krim berwarna putih, lembut, homogen. Saiz pek: 30g, 50g. Bukan semua saiz pek mungkin dipasarkan.

- Bahan-bahan kandungan**- Bahan aktif**

Bahan aktif adalah *diclofenac diethylamine*. Setiap gram gel mengandungi 23.2 mg (2.32% w/w) of *diclofenac diethylamine*, yang

- Bahan tidak aktif

Bahan lain (eksipien) adalah *butylhydroxytoluene*, *carbomer*, *cocoyl caprylocaprate*, *diethylamine*, *isopropyl alcohol*, *liquid paraffin*, *macrogol cetostearyl ether*, *oleyl alcohol*, *propylene glycol*, *perfume eucalyptus sting*, dan *purified water*.

- Nombor MAL

MAL16065024ARZ

Pengilang

Haleon CH SARL
Route de l'Etraz
CH-1260 Nyon
Switzerland.

Pemegang Pendaftaran Produk

Haleon Malaysia Sdn. Bhd.
Lot 89, Jalan Enggang, Ampang/
Hulu Kelang Industrial Estate, 68000
Ampang, Selangor, Malaysia.

Tarikh Kemaskini RiMUP

03/01/2025

Nombor Siri

NPRA(R1/5)1122022/318